

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendehahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **MyRumah Takaful**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu MyRumah Takaful?

MyRumah Takaful memberikan perlindungan kepada harta anda yang digunakan sebagai rumah kediaman terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat gas yang digunakan untuk tujuan domestik. Pelan ini juga membayar manfaat sekiranya berlaku kematian akibat kebakaran, kecurian atau pecah masuk dengan menggunakan kekerasan dan keganasan di kediaman anda. Pelan ini turut membayar pampasan bantuan tunai kecemasan akibat kerosakan rumah.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Dengan perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

No.	Manfaat-manfaat	Jumlah Manfaat (RM)
1.	Kerosakan rumah/isi kandungan rumah akibat kebakaran, kilat dan letupan domestic - Untuk isi kandungan rumah, jumlah manfaat dihadkan kepada RM10,000. - Untuk barangan platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang, jumlah manfaat hendaklah tidak melebihi satu per tiga (1/3) daripada jumlah manfaat ke atas isi kandungan rumah.	sehingga 20,000
2.	Pampasan terhadap kematian anda atau mana-mana seorang keluarga terdekat anda iaitu pasangan yang sah, ibu bapa, ibu bapa mertua atau anak-anak Anda akibat kebakaran, kecurian atau pecah masuk dengan menggunakan kekerasan dan keganasan di kediaman Anda yang menyebabkan kematian dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh kejadian tersebut. Jika kematian berlaku kepada lebih daripada seorang, hanya bahagian pro-rata daripada jumlah manfaat akan dibayar untuk setiap orang. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja.	2,500
3.	Bantuan tunai kecemasan akibat kerosakan rumah disebabkan oleh kebakaran atau banjir atau ribut angin. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja.	1,500 untuk mana-mana satu kerugian dan secara keseluruhan

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh Takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil takaful anda tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran;
- Gempa bumi, letupan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain;
- Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan;
- Pencemaran;
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;
- Kerugian atau kerosakan jika harta itu tidak berpenghuni selama lebih daripada 90 hari.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://www.etiqa.com.my/rumah>



Emel kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk MyRumah Takaful, anda harus membayar sumbangan tahunan sebanyak:	
Sumbangan Untuk Perlindungan Asas	RM 75.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	15% daripada sumbangan asas atau RM 11.25
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan asas atau RM 6.00
Jumlah Fi Wakalah	40% daripada sumbangan asas atau RM 30.00
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM 91.00
Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.	

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan.
2. Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.
4. **Tempoh Percuma** – Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya. Sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh ini.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, kami akan mengembalikan sumbangan secara pro-rata berdasarkan tempoh takaful semasa yang belum tamat.